



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN KURSUS INDUKSI AHLI MAJLIS MPSP
TAHUN 2018 BERTARIKH 17 HINGGA 19 OGOS 2018

OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL
SINGH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP
PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN
DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

TARIKH / MASA / TEMPAT

18 OGOS 2018 (SABTU)

9.30 PAGI

BAYVIEW BEACH RESORT
PULAU PINANG

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Puan Nur 'Aishah Binti Md Norodin

Ketua Penolong Setiausaha

Bahagian Kerajaan Tempatan

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Majlis Perasmian Kursus Induksi Ahli Majlis MPSP Tahun 2018.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa; Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pualau Pinang; Yang Dihormati Puan Nur 'Aishah Binti Md Norodin, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan; Ahli-Ahli Majlis MPSP; Ketua-Ketua Jabatan dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Saya ingin mengambil kesempatan dalam ucapan aluan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada YAB Ketua

Menteri, YB Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui MPSP sebagai Yang Dipertua sehingga 31 Disember 2019. Saya merasa amat terharu di atas perlantikan dan kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri serta kesungguhan Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, yang menyahut impian penduduk, mahukan Seberang Perai sebagai sebuah Bandar Raya.

Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Saya komited dengan hasrat Kerajaan Negeri, menjadikan Negeri Pulau Pinang, negeri hijau pertama di Malaysia dan Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa. Saya percaya Negeri Pulau Pinang dapat mencapai hasrat ini lebih awal dari 2030, terutamanya Seberang Perai kerana MPSP mempunyai Ahli-Ahli Majlis yang gigih bekerja, sentiasa berdampingan dengan rakyat serta menyelami denyut nadi kesusahan rakyat. Setiap kali bencana dan kesusahan, wajah-wajah Ahli Majlis ada di sana. Kegigihan serta keikhlasan ini menjadikan MPSP inklusif, resilient, kompetatif di hati rakyat dan pelabur. Inilah yang dikatakan Malaysia Baru, kerajaan dan rakyat berpisah tiada.

Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Saya menyanjung tinggi kehebatan Wira Orange yang berada di jalanan pagi, petang, siang dan malam, berhujan serta berpanas demi meningkatkan kualiti kehidupan warga Seberang Perai. Tidak ketinggalan kepada Puan Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Unit dan semua pegawai pengurusan dan profesional yang menjadi rakan seperjuangan dan tunjang kekuatan MPSP. Saya juga menyanjung tinggi kesungguhan semua warga kerja di berbagai peringkat yang tidak pernah jemu mencari dan menyelesaikan permasalahan dengan menggunakan berbagai resipi.

Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

MPSP telah melahirkan ramai pemimpin ternama, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli EXCO, Wakil Rakyat, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Mantan Datuk Bandar, Bandar Raya Kuala Lumpur, Ketua Setiausaha Kementerian dan yang tersohor adalah Ketua Eksekutif UN HABITAT. MPSP juga merupakan Pihak Berkuasa Tempatan terbesar di Malaysia, mentadbir kawasan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia Dan Sukan, Yang Berhormat Timbalan Ketua

Menteri 1, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Timbalan Speaker, tiga (3) orang Ahli EXCO dan kawasan ketua pembangkang DUN Pulau Pinang. Seberang Perai bumi yang subur dan bertuah, berada di tangan pemimpin yang bertanggungjawab iaitu anda semua.

Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

MPSP di bawah pimpinan saya, menekankan **pengiktirafan rakyat** seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tuan Chow Kon Yeow. Lanjutan daripada itu semasa lawatan kerja pertama ke MPSP pada 28 Mei 2018, selepas dilantik menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang, beliau menasihatkan MPSP supaya memastikan gulungan B40 mendapat manfaat daripada perkhidmatan MPSP dan mereka ini tidak dipinggirkan daripada mendapat faedah hasil daripada pembangunan.

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, pula menasihati MPSP supaya mengekalkan pencapaian prestasi tinggi yang telah diperolehi supaya kualiti hidup penduduk meningkat. Melaksanakan manifesto Pakatan Harapan supaya keyakinan rakyat tidak terhakis.

Sejajar dengan hasrat diatas, "*No One Should Be Left Behind*" menjadi *guiding principle* dalam pentadbiran MPSP dan ianya juga seiring dengan *SDG, Goals 17*. Sehubungan dengan itu, MPSP telah memperkenalkan

konsep inklusif dengan menyediakan jurubahasa isyarat dalam Mesyuarat Majlis Penuh, Mesyuarat Majlis Penuh Bajet dan program-program utama MPSP supaya memberi peluang kepada semua warga Seberang Perai khususnya golongan OKU untuk sama-sama memahami dan mengikuti kandungan program yang dianjurkan oleh MPSP.

Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Pulau Pinang tidak mempunyai sumber asli seperti minyak atau balak. Walau bagaimanapun Pulau Pinang mempunyai sumber modal insan serta infrastruktur di antara yang terbaik di Malaysia. Situasi ini menjadi pemangkin kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar GDP Negeri Pulau Pinang iaitu 49.1% dan 44.7% pada tahun 2015.

Dalam usaha merencanakan ekonomi Negeri Pulau Pinang yang berteraskan sektor pembuatan dan perkhidmatan, MPSP memainkan peranan mempermudah sektor pembangunan hartanah di samping sektor hiliran yang lain. MPSP telah melaksanakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 yang mengandungi 85 program dan 202 aktiviti yang akan dilaksanakan setiap tahun bagi mencapai "*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi*".

Dalam sektor pembangunan MPSP telah berjaya mengeluarkan *Development Order C1* bagi pembangunan Industri sesebuah, Industri berkembar, kediaman sesebuah dan Komplek Stadium Hoki sebaik-baik sahaja Jawatan Kuasa OSC membuat keputusan. Bagi mencapai Bandar Raya Rendah Karbon, MPSP menawarkan insentif *fast track process* kepada pembangunan yang menggunakan 15% dari sumber tenaga yang boleh diperbaharui. MPSP juga menyeru kepada pemaju hartanah supaya keluar dari rekabentuk pembangunan tradisional dengan mereka bentuk pembangunan yang mengandungi *smart building, smart infrastructure, smart environment, smart economy, smart community, sponge city* yang berteraskan Industri 4.0 serta *artificial intelligent*.

Dalam usaha mendapatkan pengiktirafan rakyat dan mengekalkan prestasi berdasarkan piawaian persijilan mulai tahun 2018, MPSP telah melaksanakan konsep "*Management by Walking Around*". Semua HOD di arah berada di lapangan untuk memantau dan menyelesaikan masalah di lapangan. Semua mesyuarat akan dijadualkan bermula jam 10.00pagi.

Selain itu, MPSP juga melaksanakan *Performance Based Management System* supaya setiap KPI dicapai seperti yang dijanjikan. Mulai tahun 2018, MPSP telah melaporkan pencapaian melalui *report card*,

setiap tiga (3) bulan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil untuk dikongsi dan dinilai oleh rakyat Seberang Perai. *Report card* ini akan dipaparkan di laman sosial seperti *facebook*, *Twitter*, laman rasmi MPSP dan *LED Screen* di Bandar Perda.

Baru-baru ini Laporan Pencapaian *MPSP' Report Card 1st Quarter dan 2nd Quarter 2018* telah dikeluarkan dalam empat bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil yang menumpukan ke arah Seberang Perai yang Resilient, Inklusif, Hijau Kompetitif dan Bandar Pintar di Pacu oleh Teknologi . Pencapaian ini boleh dicapai dalam laman web MPSP.

Pembukaan lembaran baru untuk tahun 2018 memperlihatkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sekali lagi mendapat pengiktirafan dan disenaraikan dalam ***“The Malaysia Book Of Records”*** atas pencapaian dan kejayaan MPSP mendapatkan dan melaksanakan tujuh (7) Pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti dengan penambahan kepada Pensijilan Sistem Pengurusan *Anti Bribery* ISO 37001:2016. Anugerah ini merupakan anugerah yang lebih istimewa buat MPSP kerana pengiktirafan yang diterima ini bukan hanya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan malah sebagai organisasi pertama di Malaysia yang telah mendapat tujuh (7) Pensijilan daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd. Tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat terutamanya warga

MPSP, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli Majlis, *stakeholders* dan *professional* yang sentiasa memberi sokongan penuh ke atas semua komitmen MPSP.

MPSP bukan sahaja menjadi pemudahcara kepada sektor pembangunan hartanah dan sektor peniagaan malahan MPSP juga memberi penekanan kepada peningkatan kualiti hidup melalui pelaksanaan program sihat, program penanaman pokok, program smart komuniti, program *Care For The Elderly* dan program penjagaan alam sekitar.

MPSP telah mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* dalam menyediakan program-program *I Love Penang Run 2017* di mana MPSP bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dinobatkan sebagai penganjur bagi acara ***FUN RUN terbesar di Malaysia*** yang telah diadakan pada 9 April 2017 dengan penyertaan 15,942 peserta.

Selain itu, MPSP juga menerima Sijil *Malaysia Book Of Records* sempena program Penanaman 3,002 batang Pokok Tecoma di mana MPSP telah diiktiraf sebagai penganjur bagi "***The Largest Tecoma Tree Planting Event***" pada 27 Ogos 2017. MPSP menawarkan kepada semua *stakeholders* untuk melibatkan diri dalam program tanaman pokok sempena bulan kemerdekaan yang akan diadakan setiap tahun dan tahun ini pada 7 September 2018.

MPSP juga telah menerima Sijil *Malaysia Book of Records* (MBR) “Mengadakan *Upcycle Park* Pertama Di Malaysia”. Terkini MPSP menduduki tangga teratas dengan pencapaian tahap cemerlang berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2017 siri 1 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2018 di bawah Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indek Akauntabiliti).

Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Pentadbiran saya juga menekankan kepada *Strategic Partner* dengan badan-badan profesional seperti *Royal Institution of Surveyors Malaysia* (RISM), *Institute of Landscape Architects Malaysia* (ILAM), Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) dalam Jawatankuasa SPEAD (Committee of Surveyors, Planners, Engineers, Architects and Developers) yang diadakan empat (4) kali setahun. Melalui jawatankuasa ini, saya percaya dan yakin bahawa banyak isu-isu pembangunan dapat diselesaikan mengikut persetujuan dan persefahaman bersama.

Di Seberang Perai, kita mempunyai 75,029 *parcel* sehingga Disember 2017 dalam pembangunan strata yang juga memerlukan kepakaran *surveyor* untuk menguruskannya. Kepakaran *surveyor* diperlukan semasa *design stage* supaya pengurusan bangunan berstrata dapat diurus dengan

baik oleh JMB atau MC dan memberi faedah kepada rakyat. Pemaju yang telah memperolehi lesen dan permit jualan (*Advertising Permit & Developer's License - APDL*) sebelum kuatkuasa Akta 757 juga adalah wajib untuk memfailkan jadual petak sebelum penjualan. Pemaju yang telah menjual sebahagian petak sebelum kuatkuasa Akta juga adalah wajib untuk memfailkan jadual petak bagi keseluruhan skim pemajuan termasuk dengan petak-petak yang telah dijual sekiranya pemaju ingin menjual baki-baki petak dalam skim tersebut.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Kursus Induksi Ahli Majlis MPSP Tahun 2018 yang diadakan dari 17 hingga 19 Ogos 2018 adalah merupakan satu sesi pengenalan dan penerangan kepada Ahli Majlis baru dan sebagai peringatan semula atau ulangkaji (*retreat*) kepada Ahli Majlis MPSP yang dilantik semula. Ada 12 kertas kerja yang akan dibentangkan yang menyentuh *Seberang Perai Strategic Direction*, fungsi jabatan, dasar dan Garis Panduan. Ayoh, kita tidak mempunyai masa yang banyak. Rakyat dahagakan perubahan, persekitaran yang bersih, tiada kesesakan jalan raya, tiada banjir, memperbanyakkan *pocket parks*, peningkatan *mobility* dan *assesibility*, *good governance*, kecekapan dan kepantasan dalam memberi perkhidmatan.

Outcome daripada Perancangan Strategi Seberang Perai 2018 - 2022 adalah untuk menjadikan Sebarang Perai Bandar Rendah Karbon berasaskan Bandar Pintar menjelang 2022.

Dengan ini, saya akhiri ucapan saya ini dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.